



02 NOV, 2025

FAMA Pahang sediakan 3,000 kit makanan hadapi MTL

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA Pahang sediakan 3,000 kit makanan hadapi MTL



Petugas memeriksa kit makanan FAMA untuk mangsa MTL.

KUANTAN – Sebanyak 3,000 kit makanan disediakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) dijangka bermula 6 November ini hingga 26 Mac tahun hadapan.

Timbalan Pengarah (Sekuriti Makanan & Operasi) FAMA Pahang, Mohd Azrul Abdul Aziz berkata, pelaksanaan fasa pertama ini dilakukan melalui kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama FAMA sebagai langkah awal kesiapsiagaan bencana.

Menurutnya, FAMA ditugaskan untuk membekalkan kit makanan kepada NADMA melalui Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, berdasarkan ketetapan antara NADMA dan Ibu Pejabat FAMA.

“Untuk makluman, pihak FAMA hanya ditugaskan membekalkan kit makanan sebagai langkah awal persediaan menghadapi bencana banjir kepada NADMA melalui APM negeri.

“Bagi FAMA Pahang, fasa pertama melibatkan sebanyak 3,000 kit makanan diperuntukkan untuk disalurkan bermula minggu ini secara berperingkat,” katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad* pada Sabtu.

Beliau menjelaskan, strategi pelaksanaan, lokasi agihan dan kaedah penghantaran kit makanan diuruskan sepenuhnya APM yang juga salah satu agensi NADMA.

“FAMA bukan sahaja terlibat dalam pemasaran hasil tani, tetapi memainkan peranan memastikan kelangsungan bekalan makanan ketika bencana,” ujarnya.

Tambah beliau, pelaksanaan fasa pertama turut dibantu 10 anggota Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) FAMA Pahang bagi memastikan kelancaran urusan logistik di lapangan.

“Kita komited memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi dan mudah diakses sepanjang tempoh monsun sebagai langkah menyokong keperluan NADMA melalui APM di negeri ini,” katanya.



02 NOV, 2025

FAMA Pahang sediakan 3,000 kit makanan hadapi MTL

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

KUANTAN – Sebanyak 3,000 kit makanan disediakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) dijangka bermula 6 November ini hingga 26 Mac tahun hadapan. Timbalan Pengarah (Sekuriti Makanan & Operasi) FAMA Pahang, Mohd Azrul Abdul Aziz berkata, pelaksanaan fasa pertama ini dilakukan melalui kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama FAMA sebagai langkah awal kesiapsiagaan bencana.